

11/10/1997

Krisis mata wang angkara Yahudi (HL)

Azhar Abu Samah; Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mengesyaki pihak Yahudi mempunyai rencana dan agenda tertentu untuk menjejaskan ekonomi negara ini dan negara Islam lain.

Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan tindakan itu dilakukan bagi menutup mulutnya supaya tidak bercakap mengenai keburukan George Soros - bangsa Yahudi yang berasal dari Hungary.

"Kita tidak ingin kata ini satu komplot Yahudi, tetapi pada hakikatnya yang melakukannya ialah orang Yahudi kerana secara kebetulan Soros ini orang Yahudi. Secara kebetulan juga, negara kita kebanyakannya orang Islam.

"Yahudi memang tidak seronok sangat melihat orang Islam maju. Kalau di Palestin, mereka samun orang Palestin. Di Malaysia dia tak boleh samun... inilah yang dia buat pada negara kita," katanya merujuk pembabitan Soros dalam usaha menjatuhkan nilai ringgit.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis perhimpunan rakyat di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini, petang ini. Kira-kira 15,000 pemimpin dan ahli Umno, parti komponen Barisan Nasional dan ketua-ketua jabatan kerajaan, menyertai perhimpunan itu bagi menyatakan sokongan ke atas kepemimpinan Perdana Menteri.

Ketibaan Dr Mahathir yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kira-kira 4.50 petang disambut Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, timbalan menteri dan ahli Exco kerajaan negeri.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud serta Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Idris Jusoh.

Pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, tindakan pihak terbabit bukan saja menyebabkan rakyat Malaysia yang majoritinya orang Islam, menjadi mangsa, malah Indonesia - negara Islam terbesar di dunia, juga menjadi mangsa.

Menurut Perdana Menteri, ringgit Malaysia sering diserang tetapi keadaan itu semakin teruk selepas beliau membuat ucapan di Hong Kong dan sekali lagi diserang selepas beliau bercakap di Santiago, Chile.

"Ini adalah satu usaha untuk menutup mulut saya supaya saya tidak bercakap, tetapi Alhamdulillah, orang Malaysia memberi saya sokongan," katanya.

Malah, katanya, akhbar dan majalah Barat juga mencadangkan supaya kepemimpinan Malaysia ditukar, beliau disingkir dan timbalannya (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dinaikkan.

"Bukan kerana mereka sayang timbalan saya, tetapi untuk menjatuhkan saya. Kalau timbalan saya naik, esok diapun kena tikam juga," katanya sambil menambah pihak berkenaan sebenarnya tidak senang melihat Malaysia aman damai, membangun dan maju.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan mempunyai cara untuk mengatasi masalah yang dialami, tetapi belum tiba masa untuk melaksanakan pendekatan itu.

Dr Mahathir berkata, beliau mahu seluruh rakyat Malaysia memberi sokongan kepadanya, akur dan mengikut dengan penuh ketertiban dalam setiap usaha kerajaan merancang memulihkan semula keadaan ekonomi negara.

Beliau juga mempersoalkan tindakan Barat yang mempertahankan penjenayah seperti Soros dan mempertikaikan jenis tamadun masyarakat dunia sekarang yang sanggup mempertahankannya.

Menurutnya, banyak negara lain tidak bersungut atau membuat sebarang

kenyataan (mengenai jenayah Soros) kerana mereka terlalu bergantung kepada pertolongan orang asing.

(END)